

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pendekatan Kerajaan dalam mengkaji semula mekanisme pemberian sijil halal dan penjenamaan produk Islam oleh syarikat bukan Islam bagi mengelak kekeliruan dalam kalangan pengguna.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melaksanakan sistem pensijilan halal Malaysia bagi membantu pengguna membuat pilihan dan mengenal pasti status halal sesuatu produk. Pensijilan halal Malaysia terbuka kepada semua pemohon sama ada dimiliki oleh orang Islam mahu pun bukan Islam. Setiap produk yang telah dipersijilkan halal, pemeriksaan telah dibuat

secara terperinci dengan memastikan ramuan yang digunakan adalah halal, proses dan pengendalian dibuat dengan menepati kehendak syarak dan berdasarkan standard dan prosedur yang ditetapkan.

Kerajaan dari semasa ke semasa mengkaji mekanisme dan menyelaraskan inisiatif-inisiatif ke arah pemerkasaan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di seluruh negara. Antaranya adalah :-

- i. Pada tahun 2011 kerajaan telah membuat pindaan kepada Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) dengan matlamat membuat kawalan yang lebih tegas dalam melindungi pengguna dari sebarang penipuan dari aspek halal. Pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan secara berkala dengan kerjasama beberapa agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Pemantauan dijalankan demi memastikan komitmen pemegang SPHM terhadap prosedur pensijilan halal Malaysia.
- ii. Syarikat pemegang SPHM diwajibkan membangun dan mewujudkan sistem kawalan dan jaminan halal syarikat.
- iii. Syarikat pemegang SPHM juga perlu melantik sekurang-kurangnya seorang eksekutif halal atau penyelia yang beragama Islam.
- iv. Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Profesional Halal / *Halal Professional Board* (HPB) yang bertanggungjawab

untuk memastikan tahap kompetensi dan kualiti Profesional Halal dan Penyedia Latihan Halal terpelihara demi kepentingan awam. Profesional Halal merupakan kumpulan mana-mana orang yang berkelayakan dan terlibat secara langsung dalam pengawalan integriti halal. Manakala Penyedia Latihan Halal pula merupakan institusi yang menyediakan latihan dan kursus berkaitan industri halal.

Berhubung dengan penjenamaan produk yang mengelirukan, dimaklumkan bahawa Seksyen 28 Akta Perihal Dagangan 2011; Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 memperuntukkan bahawa mana-mana produk atau premis yang menggunakan sebarang bentuk ungkapan atau perbahasaannya halal yang boleh mengelirukan pengguna bahawa produk atau premis berkenaan halal adalah menjadi suatu kesalahan. Ini termasuklah ungkapan atau perbahasaannya seperti 'buffet Ramadhan', 'makanan orang Islam' serta termasuk juga penggunaan nama Islamik seperti 'Muslim product', 'Islamic kitchen', 'sufi', 'mukmin' dan lain-lainnya. Sekiranya didapati produk atau premis adalah tidak halal menurut takrifan halal di bawah APD 2011, maka jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman.

Sekian, terima kasih.